

## PERANAN APLIKASI TIKTOK DALAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAJWID AL-QURAN

Nurul Maghfiroh Binti Mohamad Jamil  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
No. Tel: +60109069427 E-mail: [maghfirohjamil01@gmail.com](mailto:maghfirohjamil01@gmail.com)

Muhammad Hafiz Bin Salleh  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
No. Tel: +60196544535 E-mail: [mhafiz@usim.edu.my](mailto:mhafiz@usim.edu.my)

Amirah Hasanah binti Abdul Malek  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
No. Tel: +60123542369 E-mail: [amirahhasanah14@gmail.com](mailto:amirahhasanah14@gmail.com)

### ABSTRAK

Aplikasi TikTok menjadi salah satu platform media sosial yang sering digunakan oleh orang ramai dari pelbagai peringkat umur. Ia menjadi saluran yang mudah diakses untuk mendapatkan maklumat, mempelajari sesuatu ilmu dan pengetahuan, termasuk pembelajaran ilmu Tajwid al-Quran. Objektif kajian ini adalah menganalisis kandungan yang dikongsi oleh pencipta kandungan TikTok berkaitan ilmu Tajwid, interaksi pengguna dan populariti dalam kalangan orang awam bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan sebagai medium pembelajaran. Kaedah analisis kandungan video digunakan bagi menilai tahap kesesuaian dan keberkesanan pembelajaran ilmu Tajwid semasa menggunakan aplikasi TikTok. Skop kajian mencakupi video-video perkongsian berkenaan ilmu Tajwid dan juga perkongsian ilmu secara siaran langsung (*live streaming*). Hasil kajian ini dapat menjelaskan akaun-akaun pencipta kandungan yang boleh dipercayai dalam penyampaian ilmu Tajwid kepada masyarakat.

Kata kunci: *pendidikan, Tajwid al-Quran, aplikasi TikTok.*

### 1. Pengenalan

Perkembangan era digital pada masa kini, boleh kita katakan telah berkembang dengan pesat. Hampir kesemua aspek kehidupan mengalami perubahan dengan kemajuan yang pantas. Kita dapat melihat bahawa kebanyakan aktiviti harian kita lebih banyak menggunakan media sosial. Aplikasi TikTok merupakan salah satu platform media sosial yang paling banyak digunakan oleh orang ramai dari pelbagai peringkat umur. Angka yang diterbitkan dalam sumber pengiklanan ByteDance menunjukkan bahawa TikTok mempunyai 19.30 juta pengguna berumur 18 tahun ke atas di Malaysia pada awal tahun 2023. (Kemp, 2023)

Ia menjadi saluran yang mudah diakses untuk mendapatkan maklumat, mempelajari sesuatu ilmu dan pengetahuan, termasuk pembelajaran ilmu Tajwid al-Quran. Melalui TikTok, para pencipta kandungan berkongsi video-video berkaitan ilmu Tajwid yang mudah diakses oleh pengguna. TikTok telah muncul sebagai platform yang penting untuk pembelajaran dan perkongsian pengetahuan berkaitan Al-Quran dalam kalangan masyarakat, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Aplikasi media sosial ini telah berkembang melebihi hiburan yang juga merangkumi kandungan pendidikan, dengan pencipta kandungan berkongsi pemahaman dan penghayatan tentang Tajwid, Tahsin dan Tilawah melalui video dan siaran langsung (*live streaming*) yang menarik. Secara khususnya, pencipta kandungan akaun TikTok seperti @ustazariffjamil, @mahfuzahyusuf dan @azdan\_official telah menggunakan TikTok dengan berkesan sama ada secara video- video perkongsian Tajwid dan juga perkongsian ilmu secara siaran langsung (*live streaming*) untuk mengajar masyarakat tentang ilmu Tajwid dengan cara yang mudah difahami, menjadikannya lebih mudah diakses dan menarik bagi penonton mempelajari Tajwid al-Quran.


Justeru itu, Objektif kajian ini adalah menganalisis kandungan yang dikongsi oleh pencipta kandungan TikTok berkaitan ilmu Tajwid, interaksi pengguna dan populariti dalam kalangan orang awam bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan sebagai medium pembelajaran.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana pengkaji meneliti dan menganalisis konten berkaitan ilmu Tajwid al-Quran di platform TikTok. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan konten tersebut dalam konteks pembelajaran. Data yang dikumpulkan adalah berdasarkan penelitian dan analisis terhadap akaun TikTok, di mana kadar penglibatan seperti sukaan, komen, dan kongsi dijadikan penanda aras utama. Selain itu, pengkaji juga menilai keberkesanan pembelajaran daripada setiap pencipta kandungan. Melalui pendekatan ini, pengkaji berharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai impak konten ilmu Tajwid di TikTok terhadap pengguna dan bagaimana ia dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka.

### 2.1 Pemilihan sampel kajian

Untuk kajian mengenai "Peranan Aplikasi TikTok dalam Perkembangan Pendidikan Tajwid Al-Quran," pemilihan sampel akan melibatkan analisis kandungan terhadap video-video TikTok yang berkaitan dengan ilmu Tajwid al-Quran, *Hashtags* seperti #TajwidQuran, #BelajarTajwid, dan #PendidikanTajwid akan digunakan untuk mencari video yang sesuai. Video yang dipilih mestilah berkaitan dengan pengajaran atau pembelajaran ilmu Tajwid al-Quran, mempunyai lebih daripada 1,000 tontonan. Dalam kajian ini, kami menganalisis 2 video. Antaranya ialah daripada pencipta kandungan daripada akaun TikTok @ustazariffjamil yang bertajuk "Awal Ayat Takde Baris" yang telah mencapai 2 juta tontonan, dengan 214,000 sukaan, 7,772 komen dan 52,400 ribu simpanan serta dikongsi sebanyak 18,500 orang. Video ini berkaitan cara membaca ayat yang tidak mempunyai baris pada permulaan, dan memberikan panduan berdasarkan kaedah Tajwid yang betul.



Rajah 1: *Thumbnails* video daripada pencipta akaun TikTok @ustazariffjamil

Video seterusnya adalah daripada pencipta akaun TikTok @mahfuzahyusuf yang telah meraih sebanyak 1.3 juta tontonan, 142,400 ribu sukaan, 1046 komen dan 13,300 ribu simpanan serta 8,692 kongsiannya. Video ini menerangkan tentang cara bacaan bagi perkataan " لَا تَأْمَنَّا " dimana ia merupakan tanda bacaan Isymam yang merupakan tanda bacaan yang jarang ditemui di dalam ayat al-Quran.



Rajah 2: *Thumbnails* video daripada pencipta akaun TikTok @mahfuzahyusuf

dan 1 siaran langsung (*live streaming*) berkenaan pembelajaran ilmu Tajwid daripada akaun TikTok @azdan\_official yang menerangkan cara bacaan bagi perkataan-perkataan yang mengandungi hukum Tajwid mengikut muka surat mushaf yang ditetapkan. Siaran langsung ini mendapat sambutan yang tinggi iaitu sebanyak 422 jumlah tontonan, 61,400 ribu sukaan dan 199 kongsiannya.



Rajah 3: Siaran langsung (*live streaming*) daripada pencipta akaun TikTok @azdan\_official

Setiap video akan dianalisis berdasarkan kandungan mesej, kekerapan penggunaan istilah Tajwid, dan kaedah pengajaran yang digunakan untuk memahami bagaimana TikTok dapat digunakan sebagai medium dalam perkembangan pendidikan Tajwid Al-Quran.

### 3. Perbincangan Kajian

#### 3.1 Analisis Konten TikTok

Hasil penelitian menunjukkan beberapa akaun-akaun pencipta kandungan yang boleh dipercayai dalam penyampaian ilmu Tajwid kepada masyarakat. Akaun tersebut yang menyebarkan dan memberi kefahaman berkaitan ilmu Tajwid, melibatkan interaksi pengguna dan populariti dalam kalangan orang awam bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan sebagai medium pembelajaran. Selain itu, jadual 1 dibawah menunjukkan purata *rate engagement* atau kadar penglibatan (sukaan, komen dan kongsi) setiap akaun pencipta kandungan yang terpilih:

Jadual 1: Purata kadar penglibatan (*rate engagement*) di TikTok

Akaun TikTok	Pengikut	Rate engagement	Purata interaksi per video
@ustazariffjamil	550, 100 ribu	7.70%	42, 353 sukaan
@mahfuzahyusuf	205, 100 ribu	2.31%	4, 735 sukaan
@azdan_official	177, 700 ribu	0.16%	279 sukaan

#### Akaun pertama: @ustazariffjamil

Video TikTok bertajuk "Awal Ayat Takde Baris" oleh pencipta kandungan daripada akaun TikTok @ustazariffjamil telah mencapai 2 juta tontonan, dengan 214,000 sukaan dan 7,772 komen serta dikongsi sebanyak 18, 500 orang. Video ini membincangkan isu yang sering dihadapi oleh pembaca al-Quran, iaitu cara membaca ayat yang tidak mempunyai baris pada permulaan ayat, dan memberikan panduan berdasarkan kaedah hukum Tajwid yang betul.

Selain itu, dari segi kesesuaian kandungan, penjelasan dalam video ini sangat selaras dengan kaedah Tajwid yang betul dan tepat. Pencipta kandungan @ustazariffjamil menjelaskan bahawa dalam situasi di mana ayat al-Quran tidak mempunyai tanda baris, pembaca harus memahami konteks dan kaedah Tajwid untuk menentukan baris yang tepat. Beliau menjelaskan penggunaan tanda-tanda bacaan seperti *dhammah*, *fathah*, dan *kasrah* berdasarkan kaedah hukum Tajwid. Terdapat 3 syarat untuk menentukan cara bacaan diawal ayat tanpa tanda baris iaitu

- 1) Apabila bertemu dengan awal ayat yang mempunyai huruf *alif lam sukun* (ﻝ), maka ayat tersebut perlulah dimulakan dengan baris *fathah*.
- 2) Apabila bertemu dengan awal ayat yang bukan huruf *alim lam sukun* (ﻝ) pula, kita perlulah melihat pada huruf yang ketiga. Sekiranya pada huruf ketiga berbaris *fathah* dan *kasrah*, maka bacaan perlu dimulakan dengan baris *kasrah*.
- 3) Dan apabila awal ayat bukan juga huruf *alim lam sukun* (ﻝ), kita perlulah melihat pada huruf yang ketiga juga. Sekiranya pada huruf ketiga berbaris *dhammah*, maka bacaan perlu dimulakan dengan baris *dhammah*.

Penjelasan ini membantu pembaca memahami cara yang betul untuk membaca ayat al-Quran yang tidak mempunyai tanda baris, memastikan bacaan sesuai dengan kaedah Tajwid dan menghindari kesalahan dalam pembacaan.

Seterusnya, video ini sangat berkesan dari segi penyampaian. Pencipta kandungan @ustazariffjamil menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelbagai golongan, termasuk mereka yang baru mengenal ilmu Tajwid. Beliau menggunakan contoh bacaan ayat al-Quran yang spesifik untuk menjelaskan proses membaca ayat yang tidak mempunyai baris pada permulaan. Contoh-contoh ini memudahkan pemahaman konsep tersebut, termasuk proses menetapkan baris mengikut kaedah Tajwid yang berkaitan. Durasi video yang hanya dua minit tetapi padat dengan informasi membuat penjelasan menjadi fokus dan tidak membosankan. Visual yang jelas dan audio berkualiti tinggi turut menyumbang kepada keberkesanan penyampaian, menjadikan video ini menarik untuk ditonton dan mudah diikuti.

Video ini telah mendapat sambutan yang sangat positif daripada pengguna, dengan 214,000 sukaan dan 7,772 komen serta dikongsi sebanyak 18,500 orang. Ramai pengguna menyatakan rasa syukur dan memberikan komen bahawa video ini sangat membantu dalam memahami isu Tajwid yang dibincangkan. Komen-komen ini menunjukkan bahawa kandungan video memang memberi nilai kepada penonton seperti:

*“Alhamdulillah bagus ni, sebab ramai yang keliru untuk memulakan ayat yang tiada tanda baris...”*

*“Alhamdulillah faham”*

*“Alhamdulillah dapat info terbaik ustaz”*

Selain itu, minat dan penglibatan pengguna terhadap kandungan tersebut dapat dilihat daripada banyaknya soalan susulan dan permintaan untuk penjelasan tambahan mengenai topik Tajwid lain.

Secara keseluruhan, video "Awal Ayat Takde Baris" oleh pencipta kandungan daripada akaun TikTok @ustazariffjamil adalah kaedah yang sangat berkesan untuk menyebarkan pengetahuan ilmu Tajwid. Video ini merupakan sumber pendidikan yang baik kerana kesesuaiannya dengan prinsip ilmu Tajwid, penyampaian yang padat dan berkesan, serta interaksi pengguna yang tinggi. Penggunaan aplikasi TikTok oleh pencipta kandungan untuk menyampaikan pembelajaran Tajwid membuktikan potensi besar platform ini dalam menyokong perkembangan pendidikan al-Quran secara kreatif dan mudah diakses.

#### **Akaun kedua: @mahfuzahyusuf**

Berikutan dengan sampel kajian yang dipilih, video TikTok kedua adalah video daripada pencipta kandungan akaun TikTok @mahfuzahyusuf telah membahaskan tentang cara sebutan bagi perkataan "لَا تَأْتِنَا" atau disebut sebagai Isymam iaitu tanda bacaan yang jarang ditemui di dalam ayat al-Quran. Video ini telah mencapai 1.3 juta tontonan, 142,400 ribu sukaan, 1030 komen serta 8,692 kongsi. Tiada penafian bahawa terdapat ramai pembaca al-Quran yang masih belum memahami dan mengetahui cara sebutan *isymam* yang betul. Maka, dengan pembahasan video ini dapat membantu pembaca dan penonton untuk membetulkan bacaan mengikut hukum Tajwid yang betul.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap video yang disiarkan di akaun TikTok tersebut, didapati bahawa dari aspek kesesuaian kandungan, video tersebut selaras dengan kaedah Tajwid. Hal

ini demikian kerana pencipta kandungan @mahfuzahyusuf memberikan tumpuan khusus kepada kaedah pembacaan perkataan yang betul. Penekanan yang diberikan dalam video tersebut adalah untuk memastikan bahawa penonton dapat memahami dan mengamalkan teknik pembacaan yang tepat, sejajar dengan hukum Tajwid yang ditetapkan. Pencipta kandungan yang bernama @mahfuzahyusuf ini menumpukan perhatian kepada cara sebutan, yang memungkinkan penonton mempelajari cara sebutan perkataan dengan tepat apabila berhadapan dengan tanda bacaan berbentuk berlian, atau lebih dikenali sebagai *isymam*. Melalui pendedahan ini, penonton dapat mengenal pasti bentuk ayat tersebut dan membacanya dengan betul ketika membaca al-Quran.

Seterusnya, dari segi keberkesanan penyampaian, kandungan video yang disampaikan mampu menjawab persoalan-persoalan pengguna, terutamanya pengirim komen. Pencipta kandungan yang bernama @mahfuzahyusuf itu menerangkan cara bacaan *isymam* yang betul dengan menggunakan nada dan suara yang jelas serta mimik muka yang mudah difahami. Penyampaian pencipta kandungan ini memberi impak yang positif kepada penonton untuk memahami dan mempraktikkan kaedah bacaan *isymam* dengan tepat. Demonstrasi visual dan audio yang jelas memainkan peranan penting dalam memastikan penonton dapat mengikuti pengajaran secara langsung mengenai cara penyebutan yang tepat dalam bacaan al-Quran.

Seperkara lagi, dari aspek interaksi dan respons pengguna, video yang telah meraih 1.3 juta tontonan ini menunjukkan popularitinya yang tinggi di kalangan penonton serta mencerminkan daya tarikan daripada video-video yang lain. Ini membuktikan bahawa penonton menunjukkan minat yang ketara terhadap kandungan yang disampaikan oleh pencipta kandungan itu. Dengan jumlah tanda suka sebanyak 142,400 ribu, serta 1,046 komen dan 8,692 kongsi, video ini jelas menunjukkan daya tarikan yang tinggi dan relevan, serta berpotensi memenuhi keperluan penonton yang ingin belajar tentang cara sebutan *isymam* yang betul. Berdasarkan analisis terhadap komen penonton, terdapat banyak komen yang bersifat positif, termasuk ucapan terima kasih atas video yang disampaikan serta komen yang membuktikan bahawa penonton sudah memperoleh pemahaman yang jelas dan baik untuk menyebut perkataan tersebut.

Seperti yang dinyatakan di atas, sebahagian besar komen yang diberikan oleh penonton menunjukkan sikap yang positif, sementara itu terdapat beberapa komen menunjukkan keinginan mereka untuk mempelajari cara sebutan perkataan yang lain dan ada juga yang ingin mendapatkan tips berkaitan cara bacaan al-Quran. Antara komen positif yang terdapat dalam video tersebut adalah termasuk:

*“terima kasih ustazah..”*

*“tq2...baru tahu...”*

*“Alhamdulillah ilmu baru..”*

Secara keseluruhannya, video TikTok yang disiarkan oleh pencipta kandungan @mahfuzahyusuf, yang menjelaskan tentang cara sebutan *Isymam* telah menarik perhatian penonton dengan mencapai 1.3 juta tontonan serta mendapat respons positif sekitar 142,400 tanda suka, 1046 komen, dan 8,692 kongsi. Analisis konten menunjukkan bahawa video tersebut sesuai mengikut kaedah hukum tajwid dengan memberikan penekanan yang tepat pada cara pembacaan yang betul. Pendekatan yang digunakan membantu penonton memahami dan mengaplikasikan teknik sebutan dengan betul. Penyampaian yang jelas dan efektif daripada @mahfuzahyusuf, termasuk penggunaan suara yang jelas dan demonstrasi visual, juga meningkatkan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu tersebut. Respons positif dari penonton, yang menggambarkan banyak jumlah tontonan, suka, komen, dan

kongsian telah membuktikan populariti video tersebut dalam memenuhi kehendak penonton untuk mempelajari teknik bacaan yang jarang digunakan iaitu *isymam*. Dengan demikian, video ini tidak hanya memberikan info yang berguna tetapi juga membantu meningkatkan pemahaman dan kefasihan pembacaan al-Quran yang tepat di kalangan penonton.

**Akaun ketiga: @azdan\_official**

Lanjutan daripada itu, terdapat beberapa akaun TikTok yang melaksanakan sesi pengajaran secara langsung (*live streaming*) tentang pembelajaran Tajwid al-Quran dan salah satunya ialah pencipta kandungan daripada akaun TikTok @azdan\_official. Pengajaran secara langsung yang diadakan oleh @azdan\_official dari Isnin hingga Jumaat, memberi fokus kepada teknik-teknik bacaan al-Quran terutamanya hukum Tajwid. Pengajaran ini melibatkan interaksi secara langsung antara pencipta kandungan dan penonton untuk memperbaiki kemahiran bacaan mereka. Manakala pada hari Sabtu dan Ahad, pengajaran berfokus kepada pembacaan al-Quran oleh @azdan\_official. Ini dapat memberi peluang kepada pengguna untuk mendengar dan menghayati ayat-ayat al-Quran secara langsung.

Dari aspek kesesuaian kandungan, pengajaran secara siaran langsung (*live streaming*) yang diadakan adalah sesuai dengan keperluan penonton yang ingin mempelajari hukum Tajwid. Pendekatan ini memungkinkan penyampaian yang interaktif dan dinamik, yang mana penonton dapat berinteraksi secara langsung dengan pencipta kandungan, mendapatkan penjelasan mendalam, serta menerima bimbingan praktikal mengenai pelbagai aspek hukum Tajwid. Pengajaran secara langsung juga memberikan fleksibiliti masa kepada penonton untuk mengikuti sesi pengajaran mengikut kesesuaian jadual mereka. Pencipta kandungan @azdan\_official ini membaca mengikut muka surat mushaf al-Quran sekaligus menjelaskan hukum-hukum Tajwid yang berkaitan. Dengan yang demikian, penonton dapat mempelajari hukum asas Tajwid yang diajarkan secara rawak dari setiap muka surat serta membolehkan mereka memahami dan mengaplikasikan hukum Tajwid secara langsung dalam bacaan al-Quran.

Selain itu, keberkesanan penyampaiannya telah menerima maklum balas yang positif. Hal ini kerana penonton mampu untuk memahami setiap perkara yang dibincangkan secara langsung dalam sesi pengstriman tersebut. Interaksi langsung daripada pencipta kandungan terhadap penonton membolehkan penonton mendapat penjelasan yang jelas dan terperinci, serta meningkatkan kefahaman terhadap hukum Tajwid. Setiap hukum Tajwid yang ditemui akan diterangkan oleh beliau dengan jelas, termasuk aspek cara bacaan seperti dengung, panjang, pendek, dan lain-lain. Penjelasan terperinci ini memastikan penonton memahami cara yang betul untuk membaca setiap hukum Tajwid dalam konteks yang berbeza. Persoalan-persoalan yang diajukan oleh penonton juga dijawab dengan tepat mengikut hukum-hukum Tajwid. Keupayaan pencipta kandungan untuk memberikan jawapan yang tepat dan berlandaskan hukum dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan keyakinan penonton terhadap pengajaran yang disampaikan.

Dari segi interaksi dan respon penonton pula, seramai hampir 500 pengguna akaun TikTok yang menonton pengstriman tersebut. Mereka memberikan komen-komen yang sangat positif dan memuaskan serta mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan Tajwid:

*“Ustaz nak tanya tanda bacaan apa yang boleh wakaf, tanda bacaan apa yang boleh mula balik?”*

*“Ustaz kalau jumpa tanwin 99, macam mana kaedah bacanya?”*

Ini membuktikan bahawa penonton yang mengikuti akaun tersebut sangat aktif semasa pengstriman berlangsung. Tambahan pula, penonton tidak berkurang terlalu mendadak semasa pengstriman tersebut diadakan.

Secara keseluruhan, pencipta kandungan @azdan\_official telah memanfaatkan platform TikTok dengan mengadakan sesi pengajaran secara siaran langsung (*live streaming*) mengenai Tajwid al-Quran dari Isnin hingga Jumaat, dengan memfokuskan teknik bacaan dan asas hukum Tajwid. Sementara pada hujung minggu pula, sesi pengajaran lebih berfokus pada pembacaan ayat-ayat al-Quran. Pendekatan interaktif ini membolehkan penonton berinteraksi secara langsung dengan pencipta kandungan itu sendiri serta mendapat bimbingan praktikal. Penggunaan muka surat mushaf al-Quran dalam pengajaran Tajwid terbukti membantu dalam memahami hukum-hukum Tajwid secara praktikal dan dapat mengaplikasikan hukum-hukum Tajwid secara langsung pada teks al-Quran. Pengajaran yang fleksibel dan dinamik ini telah menerima maklum balas positif daripada penonton, dengan hampir 500 penonton menyertai setiap sesi, memberikan komen positif, dan mengajukan soalan yang relevan. Keberkesanan penyampaian daripada pencipta kandungan @azdan\_official terbukti memberikan penjelasan yang jelas dan terperinci mengenai hukum-hukum Tajwid, yang meningkatkan kefahaman dan keyakinan penonton terhadap pembelajaran mereka.

### 3.2 Peranan aplikasi TikTok dalam Perkembangan Pendidikan Tajwid al-Quran

#### Menggalakkan pembelajaran kolaboratif

Aplikasi TikTok boleh digunakan untuk mempromosikan pembelajaran kolaboratif (Abdul Rahman et al., 2023) dalam pendidikan Tajwid al-Quran. Melalui platform ini, pelajar boleh berkongsi video mereka, memberikan maklum balas, dan berinteraksi dengan rakan sekelas. Ini boleh memupuk semangat berkumpul, pertukaran idea, dan pembelajaran antara rakan sebaya yang boleh meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap Tajwid al-Quran.

Sebagai contoh, pelajar boleh berkongsi video mereka membacakan ayat-ayat al-Quran dengan betul mengikut kaedah Tajwid. Rakan mereka boleh memberikan komen dan cadangan untuk penambahbaikan. Melalui interaksi ini, pelajar boleh belajar daripada satu sama lain dan meningkatkan kemahiran Tajwid mereka.

Oleh hal yang demikian, pendidik boleh meningkatkan keberkesanan pendidikan Tajwid al-Quran dengan menggunakan ciri kolaboratif TikTok mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan kondusif. (Ena Wasila, 2023)

#### Konten pembelajaran yang mudah diakses

Media pembelajaran di era digital perlu disesuaikan dengan kemajuan teknologi. Ini bermakna bahawa alat dan platform yang digunakan untuk mengajar dan belajar harus selaras dengan perkembangan teknologi terkini (Adella Aninda Devi, 2021). Salah satu contohnya adalah aplikasi TikTok, yang merupakan medium yang sangat mudah digunakan untuk mencari dan mengakses konten mengenai isu-isu semasa. Walaupun begitu, tidak dilupakan juga tentang pembelajaran dan pengajaran yang dapat dikongsikan melalui aplikasi ini seperti bab Tajwid al-Quran. Kebiasaannya, pencipta kandungan akan membuat video berdurasi 30 ke 60 saat. Hal ini kerana penghasilan video-video pendek yang kreatif akan membantu pengguna untuk memahami ilmu Tajwid dengan cepat. Ini juga dapat memudahkan urusan pengguna yang ingin belajar ilmu Tajwid tapi kesuntukan masa.

Selain itu, dengan aplikasi ini juga pengguna dapat berinteraksi dengan pencipta kandungan seperti menekan butang suka, meninggalkan komen-komen untuk bertanyakan soalan-soalan yang kurang difahami, berkongsi video ke aplikasi yang lain dan sebagainya. Sebagai tambahan, terdapat banyak akaun TikTok yang menyediakan *link* pautan untuk pengguna yang ingin bertanya dengan lebih lanjut atau menyertai kelas kelas yang diadakan oleh pencipta kandungan itu sendiri. Oleh itu, penggunaan



aplikasi Tik Tok yang menawarkan pelbagai ciri menarik dapat meningkatkan kreativiti pelajar serta menarik minat dan motivasi mereka dalam pembelajaran (Ena Wasli, 2023).

### **Menyediakan Sumber Pembelajaran yang Fleksibel**

TikTok menjadi platform yang fleksibel (Mohd Hamizi, 2023) untuk pelajar mengakses sumber pembelajaran Tajwid al-Quran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Melalui aplikasi mudah alih ini, pelajar boleh menonton video pengajaran Tajwid pada waktu yang sesuai, sama ada semasa menunggu, dalam perjalanan, atau semasa berehat. Ini memberi kebebasan kepada pelajar untuk belajar mengikut jadual mereka sendiri tanpa terikat kepada masa dan tempat tertentu, yang boleh menjadi halangan dalam kaedah pembelajaran tradisional.

Sebagai contoh, seorang pelajar mungkin lebih mudah memahami kaedah bacaan izhar dengan menonton demonstrasi visual berulang kali sehingga dia benar-benar faham. Seorang lagi pelajar mungkin memerlukan penjelasan yang lebih terperinci tentang makhraj huruf dan boleh mencari video yang memberikan penjelasan tersebut. Dengan adanya pelbagai jenis video yang boleh diakses pada bila-bila masa, pelajar boleh meneroka dan mencari sumber yang paling sesuai untuk membantu mereka memahami dan menguasai Tajwid al-Quran.

Kemudahan dan fleksibiliti ini boleh meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar dalam menguasai Tajwid al-Quran. Apabila pelajar merasa bahawa mereka mempunyai kawalan ke atas proses pembelajaran mereka dan boleh belajar mengikut keselesaan mereka sendiri, mereka akan lebih terdorong untuk terus belajar dan berusaha mencapai tahap kefahaman yang lebih tinggi.

## **4. Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi TikTok mempunyai potensi yang besar sebagai medium pembelajaran ilmu Tajwid al-Quran. Ia telah menjadi saluran yang efektif untuk penyebaran ilmu dan pendidikan, dengan pencipta kandungan aktif seperti @ustazariffjamil, @mahfuzahyusuf, dan @azdan\_official menghasilkan video yang menarik dan berguna. Kandungan mereka mempunyai kadar penglibatan (*rate engagement*) yang tinggi, menyediakan panduan praktikal tentang cara membaca al-Quran dengan betul. Pencipta kandungan @ustazariffjamil membahas isu pembacaan al-Quran tanpa baris pada awal ayat dengan tepat, mengikut kaedah tajwid yang betul. Pencipta kandungan @mahfuzahyusuf pula, menumpukan pada bacaan perkataan dan tanda bacaan yang jarang ditemui di dalam ayat al-Quran, memberikan penjelasan terperinci dan mudah diikuti oleh penonton. Perkongsian ilmu secara langsung (*live streaming*) oleh pencipta kandungan @azdan\_official meningkatkan interaksi langsung antara guru dan pelajar, menjadikan pengalaman pembelajaran lebih interaktif dan berkesan.

Secara keseluruhannya, aplikasi TikTok menyediakan kandungan pembelajaran yang mudah diakses, interaktif, dan fleksibel, membolehkan pengguna belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Penggunaan video pendek yang kreatif menjadikan pembelajaran ilmu Tajwid lebih menarik dan mudah untuk semua peringkat umur.

Dengan itu, kajian ini menyimpulkan bahawa, kita dapat menjelaskan akaun-akaun pencipta kandungan yang boleh dipercayai dalam penyampaian ilmu Tajwid kepada masyarakat. TikTok mempunyai potensi untuk terus berkembang sebagai medium untuk pembelajaran ilmu Tajwid al-Quran, dengan syarat kandungannya tepat, sesuai, dan berkualiti.

## 5. Rujukan

- Abdul Rahman, R., Bebit, M. P., & Ayob, N. *The Use of Innovative TikTok Applications in the Implementation of Educational Art Appreciation Visual Arts: Penggunaan Aplikasi TikTok Inovasi dalam Pelaksanaan Apresiasi Seni Pendidikan Seni Visual*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1–13. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp2.1.2023>
- Devi, A. A., Kunci, K., & Devi, A. (2021). *Pemanfaatan Aplikasi Tik Tok Sebagai Media Pembelajaran*. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/351991527\\_PEMANFAATAN\\_APLIKASI\\_TIK\\_TOK\\_SEBAGAI\\_MEDIA\\_PEMBELAJARAN](https://www.researchgate.net/publication/351991527_PEMANFAATAN_APLIKASI_TIK_TOK_SEBAGAI_MEDIA_PEMBELAJARAN)
- Kemp, S. (2023, February 13). *Digital 2023: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights*. *DataReportal – Global Digital Insights*. <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- Mohd Hamizi, M. A. F. (2023). *Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Wasli, E. (2023). *Aplikasi Tik Tok Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu*. ResearchGate. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.21509.32482>